

GARIS PANDUAN MODERASI DALAM PENGUKURAN, PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN

1.0 Pengenalan

Proses peperiksaan melibatkan pemarkahan oleh pengendali kursus. Bagi kursus yang melibatkan beberapa pemeriksa, kemungkinan berlaku ketidakselarasan dalam penandaan serta pemarkahan. Ini disebabkan terdapat perbezaan dalam pertimbangan profesional pemeriksa. Justeru, bagi memastikan pelajar mendapat keadilan dalam pemarkahan, proses moderasi dalam pengukuran, pentaksiran dan penilaian perlu dilaksanakan.

2.0 Definisi Moderasi

Suatu proses penyelarasan markah dalam sesuatu peperiksaan yang melibatkan soalan berbentuk subjektif. Proses ini ialah berkenaan dengan konsistensi, perbandingan dan keadilan pertimbangan profesional mengenai tahap pencapaian yang ditunjukkan oleh pelajar.

Dalam konteks Garis Panduan ini, moderasi ialah penyelarasan pemarkahan skrip jawapan peperiksaan akhir yang disemak untuk memastikan bahawa keputusan penggredan adalah adil untuk pelajar, bahawa piawaian prestasi adalah sesuai dan piawaian penandaan itu boleh dipertahankan dan konsisten.

3.0 Tujuan Proses Moderasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris menggunakan proses moderasi untuk meningkatkan kebolehpercayaan penilaian oleh staf akademik. Tujuan asas moderasi adalah untuk memastikan kualiti dan konsistensi dalam pemarkahan dan penggredan peperiksaan akhir.

Objektif moderasi yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. Memastikan kursus memenuhi piawaian tahap program.
- ii. Memastikan pelaksanaan kursus memenuhi piawaian pihak agensi akreditasi.
- iii. Memastikan pelaksanaan kursus setanding dengan penyedia pendidikan tinggi yang lain.
- iv. Memastikan piawaian profesional staf akademik dikekalkan.
- v. Menunjukkan komitmen UPSI terhadap penjaminan kualiti dan standard.

4.0 Prinsip dan Tanggungjawab

Untuk memperjelas dan memudahkan proses moderasi, prinsip dan tanggungjawab berikut telah ditetapkan:-

- i. Prosedur penilaian adalah jelas, sah dan boleh dipercayai.
- ii. UPSI mengekalkan mekanisme telus dan saksama dalam proses pengukuran, pentaksiran dan penilaian serta moderasi markah (gred).

- iii. Tugas penilaian mencerminkan hasil pembelajaran dan kriteria prestasi seperti yang dinyatakan dalam Perkara Akademik dan Pro Forma Kursus.
- iv. Pelajar dimaklumkan mengenai keperluan penilaian pada minggu pertama kuliah.
- v. Semua skrip jawapan peperiksaan akhir dinilai berdasarkan skema pemarkahan (atau rubrik) yang konsisten dengan kriteria penilaian yang dibuat.
- vi. Proses pengukuran, pentaksiran dan penilaian serta moderasi markah (gred) akan dinilai kesesuaianya pada setiap semester.
- vii. Kursus yang melibatkan soalan berbentuk aneka pilihan, jawapan ‘Betul’ atau ‘Salah’ dan kepakaran khusus (seperti lukisan, seni persembahan, rekacipta), tidak perlu dimoderasi.

5.0 Pelan Moderasi

- 5.1 Moderasi skrip jawapan peperiksaan akhir melibatkan kursus-kursus yang mempunyai lebih dari satu (1) kumpulan kuliah yang dikendalikan lebih daripada seorang staf akademik.
- 5.2 Pelan moderasi akan diselaraskan oleh Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) pada setiap semester. Pelan moderasi akan merangkumi skop tugas yang dikaitkan dengan strategi penilaian, penandaan dan penggredan.
- 5.3 Ketua Pemeriksa Kursus adalah Penyelaras Kursus berkenaan.
- 5.4 Skema pemarkahan atau rubrik akan dibekalkan kepada Pemeriksa Kursus/ staf akademik yang menjalankan moderasi skrip jawapan peperiksaan akhir.
- 5.5 Aktiviti moderasi mesti diselesaikan sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Peperiksaan untuk mengesahkan markah dan gred di peringkat Jabatan.
- 5.6 Proses moderasi dan pembetulan penandaan/markah (jika ada) perlu dilaksanakan dalam tempoh pemeriksaan yang ditetapkan oleh BHEA/IPS.

6.0 Persampelan

- 6.1 Pemilihan sampel skrip jawapan oleh Ketua Pemeriksa Kursus adalah secara rawak mudah bagi lima (5) skrip jawapan daripada sekurang-kurangnya dua (2) kumpulan kursus manakala bagi kursus yang ditawarkan merentas fakulti, bilangan skrip yang dimoderasi adalah sepuluh (10) skrip jawapan daripada sekurang-kurangnya tiga (3) kumpulan kursus.
- 6.2 Semua Pemeriksa Kursus perlu menyemak sampel skrip jawapan yang sama dan berbincang untuk menyelaraskan pemarkahan yang dibuat.

7.0 Tindakan

- 7.1 Proses moderasi berlaku pada peringkat awal sebelum Pemeriksa Kursus menanda keseluruhan skrip jawapan pelajar.
- 7.2 Pemeriksa Kursus perlu berbincang dan membuat keputusan secara konsensus jika terdapat perbezaan markah antara Pemeriksa Kursus.
- 7.3 Hasil moderasi perlu direkodkan dalam borang Laporan Moderasi.

8.0 Laporan dan Carta Alir Pelaksanaan Moderasi

Borang Laporan Moderasi dan Carta Alir Pelaksanaan Moderasi adalah seperti di LAMPIRAN.

LAMPIRAN


LAPORAN MODERASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KOD KURSUS		SEMESTER	
NAMA KURSUS			
NOMBOR MATRIKS			

JABATAN					
FAKULTI					
NO. SKRIP JAWAPAN	1/5	2/5	3/5	4/5	5/5
(Sila tandakan (✓) di ruangan yang berkenaan)					

NO. SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH PENSYARAH	ISU / PERBEZAAN	TINDAKAN
		PENSYARAH 1		
		PENSYARAH 2		
		PENSYARAH 3		
		PENSYARAH 1		
		PENSYARAH 2		
		PENSYARAH 3		
		PENSYARAH 1		
		PENSYARAH 2		
		PENSYARAH 3		

PERAKUAN PEMERIKSA				PENGESAHAN	
PEMERIKSA	NAMA	TANDATANGAN	TARIKH	TANDATANGAN	
PENSYARAH 1				NAMA KETUA JABATAN & COP RASMI	
PENSYARAH 2					
PENSYARAH 3				TARIKH	

CARTA ALIR PELAKSANAAN MODERASI

Ketua Jabatan mengenal pasti jumlah kursus dengan Peperiksaan Akhir (soalan berbentuk esei dan struktur) yang mempunyai lebih dari satu (1) kumpulan kuliah dan disemak lebih daripada seorang Pemeriksa Kursus.

Ketua Jabatan menamakan seorang Pemeriksa Kursus bagi setiap kursus terlibat untuk mengetuai proses moderasi.

TD (A&A) menyelaraskan pelaksanaan moderasi berpandukan kepada Takwim Akademik semester berkenaan. TD (A&A)/ Ketua Jabatan memberi taklimat pelaksanaan moderasi pemeriksa skrip jawapan kepada semua Pemeriksa Kursus terlibat

Pemeriksa Kursus mengambil skrip jawapan pelajar selepas peperiksaan akhir selesai dilaksanakan.

Ketua Pemeriksa Kursus memilih lima (5) skrip jawapan secara rawak mudah daripada sekurang-kurangnya dua (2) kumpulan kursus untuk ditanda berdasarkan skema pemarkahan manakala bagi kursus yang ditawarkan merentas fakulti, bilangan skrip yang dipilih adalah sepuluh (10) skrip jawapan daripada sekurang-kurangnya tiga (3) kumpulan kursus.

Pemeriksa Kursus membentangkan hasil semakan masing-masing dan membuat moderasi sekiranya ada perbezaan markah yang ketara di antara Pemeriksa Kursus.

Pemeriksa Kursus mengisi Borang Laporan Pemeriksa Kursus.

Pemeriksa Kursus membuat pemeriksaan skrip jawapan mengikut kumpulan masing-masing.

Pemeriksa Kursus memasukkan markah pelajar dalam sistem MySIS.

Ketua Jabatan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Peperiksaan di peringkat Jabatan.